

TARIKH	14 / 9 / 2016	SEKSYEN	NEGARA
MUKA SURAT	18	RUANGAN	

## Artis tempatan selesai jalani ibadah melontar jamrah di Mina kelmarin

Oleh NOR ERYANI YUSUP

**KUALA LUMPUR** - Beberapa artis Malaysia selamat menjalani ibadah haji bersama lebih 1.8 juta umat Islam dari seluruh dunia selepas melontar jamrah di Mina, Arab Saudi kelmarin.

Untuk melengkapkan ibadah itu, jemaah perlu mengumpulkan sebanyak 49 biji batu kecil di Mudzalifah yang terletak di antara Arafah dan Mina sebelum melontar jamrah.

Artis itu termasuk Neelofa, Hafiz Hamidun, Rohana Jalil dan Vee Shanti.

Pelakon dan pengacara Neelofa, 27, menerusi laman Instagramnya menyifatkan Mina merupakan lokasi yang paling banyak memberi ujian kepada jemaah.

Namun, dia tidak menyatakan dengan jelas perkara berkenaan dan hanya memuat naik sebuah video memaparkan keadaan di Mina yang dipenuhi dengan jemaah dari seluruh dunia.

Pada masa sama, pengacara rancangan *MeleTop* itu turut bermurah hati untuk membaca doa-doa yang dikirim oleh peminatnya menerusi ruangan komen di Instagram.

"Bagi sesiapa sahaja yang mempunyai doa untuk dikirimkan, Insya-Alah saya akan bacakan satu persatu.



NEELOFA berkongsi keterujaannya bertemu dengan Tunku Puteri Johor, Tunku Tun Aminah ketika berada di Mina, kelmarin.

Semoga doa kita diterima oleh Allah," ujarnya dalam video tersebut.

Pengacara kelahiran Kelantan itu juga memuat naik sekeping gambar bersama Tunku Puteri Johor, Tunku Tun Aminah Maimunah Iskandariah Sultan Ibrahim yang turut berangkat mengerjakan ibadah haji bersama Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah,

Tunku Temenggong Johor, Tunku Idris Iskandar Ismail Abdul Rahman, Tunku Panglima Johor, Tunku Abdul Rahman Hassanah Jeffri dan Tunku Putera Johor, Tunku Abu Bakar Mahmood Iskandar Ibrahim.

Neelofa berangkat ke Mekah pada 5 September lalu dan ditemani kedua orang tuanya, Noor Kartini dan Mohd. Noor.

